

06 APR 2000

Abdullah-Muzium

MUZIUM KESENIAN ISLAM PERLU GIATKAN AKTIVITI

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta Muzium Kesenian Islam Malaysia mengadakan lebih banyak aktiviti untuk memperkenalkan kesenian Islam kepada orang ramai.

Timbalan Perdana Menteri berkata muzium itu adalah satu kebanggaan umat Islam dan rakyat negara ini tetapi kewujudannya mungkin belum diketahui.

"Muzium ini sepatutnya dapat memperkenalkan dengan lebih dekat lagi segala aspek yang berhubung kait dengan kesenian Islam, dan Islam sebagai satu agama, yang mempunyai pengaruh begitu besar kepada tamadun manusia," katanya semasa berucap melancarkan setem dan sampul surat hari pertama Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini.

Ditilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, muzium berkenaan dibuka pada Disember 1998 dan merupakan muzium tunggal di Asia-Pasifik yang mempamerkan khazanah kesenian dan kebudayaan Islam.

Abdullah berharap muzium itu berjaya memperkenalkan kepada rakyat Malaysia dan pelancong asing Islam bukan sahaja sebagai agama tetapi juga peranannya dalam pembangunan tamadun manusia termasuk pembangunan di negara ini.

Abdullah berkata usaha mengadakan setem dan sampul surat hari pertama adalah satu inisiatif yang baik bagi mempromosikan muzium itu, bahkan ia menjadi perakam kepada satu peristiwa bersejarah.

Beliau gembira dan berharap setem dan sampul surat hari pertama muzium itu akan disebarkan dengan meluas oleh pengumpul-pengumpul setem bagi membolehkan kewujudan muzium itu diketahui.

Timbalan Perdana Menteri turut mencadangkan kepada Yayasan Albukhary yang mengendalikan muzium itu supaya dapat mengadakan satu pameran semasa mesyuarat Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di sini Jun ini.

Beliau berharap muzium itu dapat menjalin kerjasama dengan institusi-institusi Islam yang terdapat di negara-negara anggota OIC bagi mengadakan aktiviti pameran berhubung kesenian Islam dan artifak dari negara berkenaan.

Setem keluaran Pos Malaysia yang berkonsepkan peradaban Islam itu dikeluarkan dalam empat denominasi iaitu setem 20 sen, 30 sen, 50 sen dan RM1.

Setem 20 sen menggambarkan Kubah Terbalik, sebuah kubah yang terdapat di muzium itu, setem 30 sen menggambarkan reka bentuk luaran Kubah Utama, setem 50 sen memaparkan Panel Uthmaniah yang diambil dari Bilik Uthmaniah di muzium itu manakala setem RM1 memaparkan konsep reka bentuk Mihrab, satu kesenian masjid.

Pos Malaysia juga mengeluarkan Lembaran Cenderamata yang mengandungi 20 keping setem berharga RM6 dan Lembaran Cenderamata Bercetak Emas Tebukan Edisi Terhad berharga RM10.

Setem dan sampul surat hari pertama itu dijual di Kedai Muzium mulai esok.

-- BERNAMA

HS MAI